

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Minta nasihat bedah organ di luar negara
19 Jul 2010
Berita Harian
Nasional
Faiza Zainudin
Daily
192,982 / 1,521,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
7
275 cm²
Full Color
12,115
36,346



Minta nasihat bedah organ di luar negara

Elak terima rawatan di hospital tak diiktiraf kerajaan: Tiong Lai

Faiza Zainudin

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia yang ingin melakukan pembedahan organ di luar negara diminta terlebih dulu mendapatkan nasihat dari Kementerian Kesihatan bagi mengelak mereka mendapat rawatan di hospital yang tidak berkualiti dan tidak diiktiraf kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kementeriaannya boleh memberi pandangan dan nasihat bagi mengelak pesakit negara ini menanggung risiko yang tidak diinginkan.

"Saya sudah beri nasihat kepada orang ramai, dapatkan nasihat dari kementerian terlebih dulu sebelum pergi mendapatkan rawatan di luar negara, sebab hendak pastikan hospital itu bermutu tinggi, kita tidak mahu ada jangkitan pula selepas pembedahan.

"Tempoh masa menunggu untuk mendapat organ di negara ini masih lama kerana jumlah penderma organ masih kurang walaupun yang berjanji ramai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kes hampir 1,000 rakyat Malaysia yang membeli dan melakukan pembedahan organ di China dan India berdepan risiko jangkitan penyakit seperti hepatitis B, radang hati, HIV selain komplikasi organ baru tidak berfungsi sekali gus boleh membawa maut.

Ditanya tindakan yang boleh

diambil terhadap sindiket itu, Liow berkata sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang laporan daripada mana-mana pihak.

"Kita boleh mengambil tindakan kerana organ tidak boleh dibeli, memang kita tidak bemarkan jual organ, dan saya berharap rakyat kita jangan beli organ," katanya.

Liow berkata, pihaknya akan menambah lebih banyak pasukan pengambilan organ (harvesting team) yang dianggotai pakar dalam pelbagai bidang pemindahan organ bagi melaksana pemindahan organ daripada penderma di sesuatu kawasan dengan segera.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata ramai yang mendapatkan rawatan di negara yang mengharamkan pemindahan organ kerana terdesak untuk mendapat organ baru dalam masa singkat.

Keadaan itu juga katanya, didorong dengan kesedaran sukar untuk mendapat organ di negara ini meskipun jumlah penderma yang mendaftar mencecah 141,733 orang sehingga April lalu.

Beliau berkata, sejak 34 tahun lalu, hanya 287 orang yang menderma organ mereka membabitkan 600 bahagian organ dan tisu seperti buah pinggang, jantung, paru-paru, injap jantung, kornea, kulit dan tulang.

“Saya sudah beri nasihat kepada orang ramai, dapatkan nasihat dari kementerian terlebih dulu sebelum pergi mendapatkan rawatan di luar negara, sebab hendak pastikan hospital itu bermutu tinggi, kita tidak mahu ada jangkitan pula selepas pembedahan”

Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan

